



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PROSES PENGISIAN KEKOSONGAN OLEH  
URUS SETIA PENGAMBILAN  
DI KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38(a)**

**Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam sahaja.**

**PEGAWAI EKONOMI KANAN (B.3)  
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon**

**1. Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.

**2. Sila Ambil Perhatian:**

- (A) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalendar Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (B) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



**PEGAWAI EKONOMI KANAN**  
**JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK**  
**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**  
**B.3 (\$3,880 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN)**  
**KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang *Economic Development and Policy Analysis / Statistics / Mathematics / Actuarial Science / Economics / Finance / Public Policy* atau dalam bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik sebagai Pegawai Ekonomi atau jawatan yang bersesuaian dalam tangga gaji B.2 EB.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 EB.3 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

**ATAU**

2. a) **Bagi yang tidak mempunyai Ijazah**, hendaklah telah berkhidmat di Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik sebagai Pegawai Ekonomi atau jawatan yang bersesuaian dalam tangga gaji B.2 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

**ATAU**

- b) **Bagi yang tidak mempunyai Ijazah**, hendaklah telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 atau sebanding tidak kurang dari 9 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.



3. Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Menganalisa perkembangan semasa dan mengenal pasti isu-isu, makroekonomi, sektor dan sosio-ekonomi Negara, berdasarkan maklumat dan data yang sedia ada;
2. Mencadangkan matlamat dan sasaran ekonomi Negara yang berkaitan dan seterusnya merangka cadangan hala tuju ekonomi melalui pensejajaran dengan aspirasi-aspirasi Brunei Darussalam *Economic Blueprint*;
3. Menyelaras dan menilai inisiatif-inisiatif strategik berkaitan ekonomi Negara dari pelbagai agensi serta memantau kemajuan inisiatif-inisiatif tersebut ke arah mencapai matlamat dan sasaran yang ditetapkan;
4. Meneliti projek-projek Rancangan Kemajuan Negara (RKN) bagi memastikan pensejajaran dengan Brunei Darussalam *Economic Blueprint* serta menilai sumbangan projek-projek RKN kepada ekonomi negara dari segi sumbangan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), eksport, hasil kerajaan, pekerjaan dan sebagainya;
5. Memimpin pegawai-pegawai termasuk pembahagian kerja serta pengawasan ke atas tugas-tugas seperti di atas;
6. Membantu Pengarah / Penolong Pengarah dalam urusan-urusan pentadbiran, perancangan dan pengurusan Jabatan;
7. Menghadiri mesyuarat / perjumpaan di dalam dan di luar negeri bagi pihak Pengarah / Penolong Pengarah semasa ketiadaan beliau dan seterusnya menyediakan laporan bagi pengetahuan dan tindakan Pengarah; dan
8. Melaksanakan tugas-tugas sebagaimana yang diarahkan oleh Pengarah / Penolong Pengarah / Ketua Jabatan dari masa kesemasa.